



**LEMBAGA JURUKUR TANAH
SEMENANJUNG MALAYSIA
(LAND SURVEYORS BOARD)**

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 Jld. 7 (50)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

NO. 2735 TINGKAT SATU
JALAN PERMATA EMPAT
TAMAN PERMATA ULU KELANG
53300 KUALA LUMPUR
Tel: 03-41085199 (Setiausaha)
& 41072910
Tel: 03-41085191 (Pejabat Am)
Tel: 03-41086793 (Pejabat Am)
Tel: 03-41072920 (Pejabat Am)
Fax: 03-41085178

16 September 2003

Semua Juruukur Tanah Berlesen.

Semua Pengarah Ukur Negeri.

Y. Bhg. Dato' / Tuan / Puan,

**PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH BIL. 1 TAHUN 2003 - PROSEDUR
PERTARUHAN BAYARAN UKUR DENGAN LEMBAGA JURUKUR TANAH
SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI KERJA UKURAN HAKMILIK TANAH**

1. TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan memperkemaskan prosedur pertaruhan bayaran ukur hakmilik tanah dengan Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia (LJT) termasuk bayaran ukur bagi penyediaan pelan pra-hitungan untuk ukuran hakmilik tanah selaras dengan Peraturan 99, Peraturan-Peraturan Jurukur Tanah Berlesen 1959.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Seksyen 409A Kanun Tanah Negara, 1965 (Akta 56) memperuntukkan Sijil Akuan LJT dikemukakan bagi mengesahkan bahawa bayaran ukur hakmilik telah dipertaruhkan dengan LJT serta ukuran akan dijalankan oleh Juruukur Tanah Berlesen (JTB).
- 2.2 Mengikut Jadual 13 (Peraturan 99) Peraturan-Peraturan Jurukur Tanah Berlesen 1959, bayaran ukur hakmilik yang boleh dikenakan ke atas kerja-kerja ukuran adalah merangkumi bayaran ukur bagi penyediaan pelan pra-hitungan.
- 2.3 Mengikut amalan sekarang, terdapat JTB yang tidak mempertaruhkan bayaran ukur bagi penyediaan pelan pra-hitungan dan hanya memperakukan di ruang berkenaan di dalam Borang LJT1 bahawa ianya telah diselesaikan.

- 2.4 LJT juga tidak mensyaratkan supaya JTB mengemukakan pelan pra-hitungan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan surat perlantikan semasa mempertaruhkan bayaran ukur hakmilik.

3. PERTARUHAN BAYARAN UKUR HAKMILIK

Dengan penguatkuasaan pekeliling ini, semasa mengemukakan pertaruhan bayaran ukur kepada LJT, JTB hendaklah juga: -

- 3.1 mengemukakan salinan kelulusan permohonan ukur oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- 3.2 mempertaruhkan bayaran ukur bagi penyediaan pelan pra-hitungan;
- 3.3 mengemukakan salinan pelan pra-hitungan yang diluluskan, atau salinan draf pelan pra-hitungan yang ditandatangani olehnya yang akan disusuli dengan pelan pra-hitungan yang diluluskan;
- 3.4 jika JTB mengemukakan pelan pra-hitungan yang ditandatangani oleh JTB yang lain, surat pelepasan dari JTB berkenaan hendaklah juga dikemukakan; dan
- 3.5 mengemukakan salinan surat perlantikan seperti contoh di Lampiran A.

4. PERLAKSANAAN

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa ke atas pertaruhan baru bayaran ukur hakmilik tanah bagi permohonan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri mulai 1 Mei, 1997 iaitu pada tarikh Jadual 13 (Peraturan 99) terkini mula berkuatkuasa dan Pekeliling LJT Bil. 7/2000 adalah dengan ini terbatal.

5. TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh pengeluarannya.

Sekian, terima kasih.



(DATO' HAMID BIN ALI)

Pengerusi

Lembaga Jurukur Tanah

Semenanjung Malaysia

(Nama dan alamat Pemilik Tanah/Wakil)

.....
.....
.....
.....

(Nama dan alamat Firma Jurukur Berlesen)

.....
.....
.....
.....

Tuan,

Perkara : Perlantikan Jurukur Tanah Berlesen

Jenis Pengukuran :.....

Adalah dengan ini, kami melantik tuan sebagai jurukur tanah untuk menjalankan kerja-kerja ukur / kerja-kerja yang berkaitan seperti berikut :-

Bilangan Lot :.....

Mukim :.....

Daerah/Negeri :.....

Sekian.

Yang Benar,

(Tandatangan dan cop pemilik tanah/wakil)

s.k. Pengarah Ukur Negeri

Saya, Jurukur Tanah Yang Dilesen di bawah Akta 458 (Disemak 1991) adalah dengan ini bersetuju menjalankan dengan sempurna kerja-kerja ukur / kerja-kerja yang berkaitan seperti di atas.

(Tandatangan dan cop Jurukur Tanah Berlesen)